

Sertai UMNO dengan niat baik

— Dr. Mahathir

KELULUT (MANG) 20 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir hari ini mengajak seluruh umat Melayu yang menyertai UMNO supaya berniat dalam hati untuk mencari kebaikan dan bukannya kejahatan.

Perdana Menteri berkata: "Kita bukan puak pelampau. Kita kumpulan sederhana yang sanggup bekerjasama dengan orang yang tidak memusuhi kita.

"Sesiapa juga berhak menyertai UMNO asalkan mereka tidak berniat untuk menghancurkan parti.

"Semua orang melayu mempunyai hak dalam UMNO sama ada mereka itu pekerja parti, ahli UMNO, penyokong UMNO atau dari lain - lain parti."

Beliau berkata demikian di hadapan lebih 30,000 rakyat negeri ini di pelancaran Gerakan Setia Bersama Rakyat (SEMARAK) di sini petang ini.

Sebelum itu, ketibaan Perdana Menteri dan isteri di sempadan Daerah Marang disambut oleh 400 pemuda bermotosikal yang mendahului kenderaannya.

Datuk Sri Dr. Mahathir kemudiannya diiringi oleh 1,000 orang termasuk pembawa bendera dari pertubuhan - pertubuhan sukarela, beruniform dan parti - parti politik ke tapak SEMA-

RAK.

Sebelum Perdana Menteri dan Menteri Besar Terengganu menyampaikan ucapan dari pentas khas, tiga buah lagu *Melancong Ke Terengganu*, *Setia dan Gunung Sama Didaki* telah didendangkan oleh kumpulan koir dari Maktab Perguruan Pasir Panjang.

Datuk Sri Dr. Mahathir selepas menyampaikan amanatnya, telah menunaikan sembahyang fardu asar di masjid berhampiran tapak SEMARAK sebelum merasmikan Taman SEMARAK dan mengecat calet di te-

pi laut.

Beliau juga bersama-sama rakyat menarik puak dari laut ke pantai ketika isterinya, Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah memumbuk emping bersama kumpulan wanita.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa UMNO memperjuangkan hak orang Melayu khasnya dan negara amnya dan sudah tentu mereka yang setia tidak akan berusaha menghancurkan UMNO.

Katanya, orang Melayu seharusnya bergan-

LIHAT MUKA 2

Sertai UMNO dengan niat kebaikan

tung kepada pertubuhan yang kuat dan UMNO adalah pertubuhan yang memperjuangkan hak orang Melayu dan ia seharusnya disokong.

Beliau bagaimanapun memberi jaminan bahawa UMNO, tidak pernah berniat untuk menggunakan kuasa atau hendak menganiaya orang.

"Sekiranya kita mempunyai niat yang jahat, sudah lama orang yang hendak dianiaya merasai kesannya," tegas beliau dan disambut dengan tepukan gemuruh dari orang ramai.

Dalam tepukan yang bergemuruh itu, terdengar pekikan 'hidup Mahathir, hidup Mahathir' dari orang ramai dan sebagai menjawabnya, Perdana Menteri, terpaksa beberapa kali menghentikan ucapan dan berkata 'terima kasih - terima kasih.'

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa UMNO tidak pernah berniat jahat "kerana kita mahukan kedamaian, kita berusaha kumpulkan rakyat dan sekarang kita berjaya tubuhkan parti baru warisan UMNO 46.

"Inilah warisan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu," tegasnya dan sekali lagi Kelulut bergema dengan tepukan gemuruh dan pekikan 'hidup Mahathir, hidup Mahathir.'

Beliau bagaimanapun mengingatkan supaya jangan ada sesiapa cuba menghancurkan UMNO "kerana ini adalah pertubuhan orang Melayu semua dan menjadi teras kestabilan politik negara kita."

Menurutnya, SEMARAK bertujuan mempertemukan rakyat dengan pemimpin dan

kerajaan mempunyai banyak lagi rancangan yang hendak dibuat bagi menjadikan rakyat negara ini dimuliakan dan dihormati dunia.

Kemerdekaan tidak ada guna sekiranya rakyat masih lemah dan masih ada orang lain menghina rakyat negara ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir mahu kemerdekaan membawa erti rakyat negara ini dihormati dan dimuliakan "dan inilah kehendak parti dan kerajaan."

Beliau mahu rakyat merapatkan barisan dan terus berjuang untuk memastikan negara mencapai kemajuan dan tidak ada siapa yang boleh menghina bangsa negara ini.

"Saya yakin kita akan mencapai matlamat ini suatu hari nanti. Kalau tidak tercapai di zaman kita, mungkin matlamat ini akan tercapai di zaman anak dan cucu kita," tegasnya.